


KERATAN AKHBAR



38 | WM

HARIAN METRO
SABTU 4 NOVEMBER 2023

KENDALI KES CERAI TALAK 5

Peguam wanita lalui pengalaman mengejutkan selepas anak guam lafaz cerai ketika bertengkar dalam keadaan sedar



FOKUS

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@metro.com.my

Pengalaman menceburi bidang guaman syariah sejak 2015 mematangkan peguam muda, Faiznur Ahmad Tarmizi, 33, dalam mendampingi beberapa kes unik sepanjang menceburi dunia perundangan.

Wanita berjiwa besar berkenaan ketika ditemui, berkata banyak pengalaman menarik dilalui sepanjang kerjaya berkenaan termasuklah satu kes paling unik dikendalikannya membabitkan seorang lelaki

yang menceraikan isterinya talak lima. "Setakat ini pengalaman paling menarik sepanjang menjadi peguam syariah ialah apabila menguruskan kes permohonan kebenaran merayu seorang lelaki ke atas isterinya (renjetan pengesahan perceraian talak tiga).

"Ini kes paling rumit dan mencabar yang saya uruskan kerana tiada pengalaman mengendalikan kes seperti ini selaku pihak pemohon selain masih baharu menjadi peguam syariah serta tiada rujukan kes lepas. Jadinya banyak kajian perlu

dilakukan," katanya.

Menurutnya, mengikut kes berkenaan, anak guamnya sudah melafazkan cerai secara lisan talak lima kepada isterinya yang membawa kepada keputusan hakim menjatuhkan talak tiga.

"Tetapi anak guam saya tidak berpuas hati dengan keputusan itu dan membuat rayuan kali pertama dengan bantuan peguam syariah. Kes ini berpindah daripada Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah bagi prosiding rayuan bagi pertama. "Oleh kerana ketika

pengesahan lafaz cerai ini, anak guam saya tidak diwakili peguam. Maka hakim memutuskan ia perceraian talak tiga dan membuatkan anak guam saya tidak berpuas hati," kata Faiznur.

Menurutnya, apabila rayuan itu berpindah ke Mahkamah Tinggi Syariah menjadikan dokumentasinya sukar kerana tiada perbicaraan dilakukan, sebaliknya lebih fokus kepada dokumentasi dan penghujahan. "Pada rayuan kali kedua di Mahkamah Tinggi Syariah, saya tidak berjaya


mengeneipkan talak tiga kerana hakim mengekalkan keputusan Mahkamah Rendah Syariah.

"Malah pada masa sama juga, saya menasihatkan anak guam untuk ke pejabat agama bagi membatalkan surat perakuan nikah dan memintanya reda dengan keputusan hakim.

"Namun, anak guam seperti masih tidak boleh menerima keputusan ini dan berterusan bertanyakan apa tindakan lain boleh dilakukan bagi membatalkan keputusan hakim yang membuatkan saya berasa terkejut.

"Oleh kerana mengikut prosedur sebelum meneruskan rayuan buat kedua, perlu mengadap prosiding permohonan kebenaran merayu terlebih dahulu, tetapi sebenarnya sukar untuk berjaya kerana perlu memastikannya ia berkait rapat dengan kepentingan awam. "Namun, apabila saya menguruskan permohonan kebenaran merayu bagi tujuan rayuan kali kedua, permohonan ini berjaya diluluskan panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah," katanya.

Faiznur berkata, untuk



KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO
SABTU 4 NOVEMBER 2023

WM | 39

di peringkat mahkamah, institusi pengadilan ini memutuskan kes berkenaan perlu dibicarakan semula di peringkat Mahkamah Rendah Syariah.

"Bagaimanapun kesudahan kes ini ialah hakim mengekalkan memutuskan perceraian itu jatuh talak tiga.

"Punca kes terjadi kerana anak guam saya bertengkar dan menceraikan isterinya dengan talak lima kerana menganggap talak itu tidak jatuh.

"Dalam proses siasatan mendapati ketika anak guam melafazkan cerai, dia (anak guam) tidak pada tahap hilang akal dan dia (anak guam) masih mengingat kejadian yang berlaku," katanya.

Katanya lagi, pengajaran kepada kes itu ialah kefahaman ilmu agama sangat penting supaya tidak menjadikan lafaz cerai sebagai bahan 'mainan' setiap kali suami isteri bertengkar.

Jelasnya, itu adalah kes paling lama dikendalikan sejak 2019 dan berakhir awal tahun ini.

Menyorot kembali permulaan kerjanya, pada usia 29 tahun beliau mengambil langkah berani membuka firma guaman syariah pertamanya pada 2019 sebagai permulaan untuk menjadi peguam syariah yang hebat.

Walaupun masih 'hijau' dalam bidang itu, beliau menyimpan liti zam meluaskan cawangan firma guaman di beberapa negeri dalam Malaysia.

Usaha dan kerja keras itu sudah dimulakan sejak menceburi bidang guaman syariah pada 2015.

Gabungan pengalaman kerja dengan firma guaman lain menjadikannya terus memandang ke hadapan bagi merealisasikan impian ini.

Lebih membanggakan beliau turut memiliki sijil tauliah sebagai peguam syariah di enam negeri iaitu Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Perak dan Melaka yang membolehkannya menguruskan kes mahkamah syariah di enam negeri berkenaan.

Peluang itu beliau rebut ketika usianya 20-an kerana jiwa mudanya yang sentiasa bersemangat, berkobar-kobar dan teruja meneroka bidang guaman syariah.

Faiznur berkata, bidang kuasanya sebagai peguam syariah adalah lebih memfokuskan kepada kes kekeluargaan seperti permohonan cerai, poligami dan wali hakim serta pengesahan nikah.


Menurutnya, bidang kuasa lain ialah tuntutan harta pencarian, tuntutan berbangkit selepas perceraian seperti nafkah iddah, mutaah dan juga memfokuskan kepada pengurusan harta orang Islam seperti wasiat, faraid serta hibah.

"Namun, saya tidak cenderung mengendalikankan kes yang diperuntukkan di bawah enakmen jenayah syariah iaitu khulwat, tidak berpuasa (tidak menghormati Ramadan), persetubuhan luar nikah, berjudi dan sebagainya.

Berkongsi pembabitan awal dalam dunia guaman, Faiznur bermula dengan melanjutkan pengajian Diploma Lanjutan Amalan



FAIZNUR (duduk depan, dua kiri) menjadi penceramah jemputan untuk kursus penyediaan 'pliding' dan ikatan autoriti di USIM.



FAIZNUR (kanan) menjadi peguam pengusul kepada pemohon yang ditauliah sebagai peguam syariah Selangor.

Kehakiman dan Guaman Syariah (Dijap) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), selepas menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Kepujian) di universiti berkenaan.

"Ini didorong cita-cita dan minat mendalam untuk menjadi peguam syariah yang berjaya direalisasikan pada Ogos 2015.

"Idola saya dalam bidang guaman adalah bekas majikan yang memiliki firma guaman di Lembah Klang. Pesanan diberikan menjadi panduan dalam menjalankan tugas sebagai peguam.

"Beliau (bekas majikan) berpesan supaya menjalankan amanah dengan baik dan tidak dengan pakai ayat yang menghina atau menyakitkan hati anak guam pihak lawan dalam sesuatu kes. Sama ada secara lisan atau dalam bentuk penulisan dokumentasi atau 'pliding'.

"Di samping itu beliau lebih menekankan adab dan akhlak ketika berurusan dengan orang lain serta menjalankan tugas dengan ikhlas," katanya.


Selain itu, Faiznur menasihati wanita yang sudah berkahwin supaya pandai berdiskari dan mempunyai pendapatan sendiri supaya mereka boleh meneruskan kehidupan dengan baik jika ditakdirkan bercerai atau mempunyai masalah rumah tangga.

"Ada wanita sanggup kekal berada dalam perkahwinan toksik, meskipun mengalami penderitaan emosi dan fizikal.

"Ini disebabkan mereka tidak bekerja dan tiada pendapatan untuk kelangsungan hidup serta hanya bergantung kewangan suami," katanya.

Namun, anak guam seperti masih tidak boleh menerima keputusan ini dan berterusan bertanyakan apa tindakan lain boleh dilakukan bagi membatalkan keputusan hakim yang membuatkan saya berasa terkejut

FAIZNUR



FAIZNUR (empat, kanan) di Klinik Bantuan Guaman Syariah dan Undang-Undang USIM.